

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
NEGERI TERENGGANU

OLEH

MOHAMMAD YUSOP BIN ABU BAKAR

Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

0: 2588

1100039810



LI 36 FPE 1 2005



1100039810

Laporan akhir Latihan Industri di Jabatan Imegresen Malaysia,  
Terengganu / Mohammad Yusop Abu Bakar.

**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039810		

Lihat sebelah

I  
36  
FPE  
1  
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
NEGERI TERENGGANU**

**OLEH**

**MOHAMMAD YUSOP BIN ABU BAKAR**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL**  
**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**(KUSTEM)**

**2005**

**1100039810**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah dan kurnia-NYA pelatih dapat menyiapkan Laporan Latihan Industri ini mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Alhamdulillah sepanjang tempoh untuk menyiapkan Laporan ini tidak banyak rintangan yang perlu pelatih lalui.

Terlebih dahulu pelatih ingin mengucapkan ribuan setinggi-tinggi penghargaan buat Pn Rashida binti Mohamad, selaku penyelia Latihan Industri (KUSTEM) yang telah banyak menghabiskan masa untuk membantu pelatih dalam menghasilkan Laporan Latihan Industri yang terbaik. Tanpa bimbingan yang beliau curahkan, laporan ini mungkin tidak akan dapat disiapkan dengan teratur, berdasarkan masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga pelatih berikan kepada En. Nazrul Izwan bin Ismail, Penolong Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Terengganu, selaku Penyelia untuk latihan Industri. Segala tunjuk ajar dan dorongan serta bimbingan yang beliau terapkan sepanjang berada di jabatan tersebut selama tiga bulan amat berharga buat pelatih dalam usaha untuk menyiapkan laporan ini.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Terengganu (JIMNT) yang juga telah

banyak memberi tunjuk ajar kepada pelatih dalam proses persediaan untuk mendapatkan maklumat bagi menyiapkan laporan Latihan Industri ini.

Sekalung penghargaan pelatih tujukan kepada bonda tersayang Pn. Arabiah binti Sazarol, kerana banyak memberi semangat dan dorongan kepada pelatih, Ucapan penghargaan ini juga pelatih ingin tujukan kepada abang-abang, kakak-kakak serta kawan-kawan seperjuangan yang banyak memberi pertolongan dan tunjuk ajar yang tidak terkira kepada pelatih.

Tidak lupa juga kepada mereka yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini.

Semoga jasa yang kalian berikan akan dirahmati oleh-NYA.

Sekian, terima kasih

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Mohammad Yusop bin Abu Bakar (UK 9087), No K/p 830704-12-5243** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan Laporan tersebut.

Tandatangan



**Nama : Mohammad Yusop bin Abu Bakar**

**Tarikh : 14 NOVEMBER 2005**

**Disahkan Oleh :**



**(Pn. Rosyidah binti Mohamad)**

**Penyelia KUSTEM**

**b / p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

**BIODATA DIRI**

**Nama** : Mohammad Yusop bin Abu Bakar

**No Kad Pengenalan:** 830704-12-5243

**Tarikh Lahir** : 04 Julai 1983

**No. Matrik** : UK9087

**Tahun Pengajian** : 3 (semester 5)

**Program** : Sarjana Muda Pengurusan Polisi & Sekitaran Sosial

**Tempat Pengajian** : Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

**Kelayakan Masuk** : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

**Tempat Lat. Industri** : Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Terengganu (JIMNT)

**Unit Penempatan** : Semua bahagian dalam Jabatan secara bergilir-gilir.

**Tempoh Latihan** : 21 Mac 2005 Hingga 12 Jun 2005

**Alamat** : P/s 16295 Pejabat Pos kota Kinabalu Sabah  
Atau  
Lot 104 Lrg 1 Jln Jumat Idris Kg. Cenderamata II  
88400 Likas, Kota Kinabalu Sabah.

<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Penghargaan	i
Pengesahan Keaslian Laporan	iii
Biodata Diri	iv
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Singkatan	viii
Ringkasan Eksekutif	ix

## **BAB I PENDAHULUAN**

- LATAR BELAKANG 1
- KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI 21
- ANALISIS (SWOT) 26

## **BAB II ANALISIS**

- SISTEM SEDIA ADA 36
- PENGENALPASTIAN MASALAH 45
- MASALAH DAN PERBINCANGAN 51
- PERLAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI 56
- PENUTUP 57

## **BAB III CADANGAN DAN PENUTUP**

- LAKARAN PENGHARAPAN KEPADA PENDEKATAN  
YANG DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH 59
- KESIMPULAN 60
- RUJUKAN 62



**SENARAI JADUAL**

Jadual 1.10 : Jadual Piagam Pelanggan

Jadual 2 : Jadual Perjawatan

**SENARAI RAJAH**

- Rajah 1 : Carta Organisasi Jabatan Imigresen Malaysia Negeri  
Terengganu
- Rajah 2 : Carta Aliran Bagi Permohonan Pasport
- Rajah 3 : Carta Sistem Kerja Keseluruhan Bahagian Penguatkuasaan

**SENARAI SINGKATAN**

KUSTEM	-	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
FPE	-	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
LI	-	Latihan Industri
OKT	-	Orang Kena Tuduh / Tahan
MRP	-	Machine Readable Passport
PMA	-	Pasport Malaysia Antarabangsa
TPPI	-	Timbalan Penolong Pengarah Imigresen
PIT	-	Pegawai Imigresen Tinggi
PI	-	Pegawai Imigresen
PLKS	-	Pas Lawatan Kerja Sementara
JIM	-	Jabatan Imigresen Malaysia
OPS	-	Operasi
PINT	-	Pengarah Imigresen Negeri Terengganu
TPINT	-	Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Negeri Terengganu
IMI	-	Imigresen
KDN	-	Kementerian Dalam Negeri
IMM	-	Imigresen Malaysia
MSC	-	Malayan Civil Service
BMA	-	British Military Administration
PL(S)	-	Pas Lawatan Sosial
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan salah satu subjek yang wajib diambil untuk pelajar bagi jurusan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Latihan Industri telah disusun khas buat pelajar untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan situasi sebenar yang akan dilalui oleh pelajar selepas tamat belajar nanti. Semua yang dilakukan adalah sebagai persediaan awal, agar pelajar dapat membiasakan diri dengan alam kerja yang sebenar. Oleh yang demikian Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mewajibkan semua pelajar umumnya bagi jurusan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk mengambil subjek SOS 4299 Latihan Industri.

Objektif utama Latihan Industri ialah bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan, disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti pekerjaan. selain itu, pelajar juga boleh menjalin dan mengekalkan hubungan dengan alam professional. Objektif lain adalah untuk memastikan pelajar dapat memahami nilai etika dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduasi nanti.

Sepanjang menjalani latihan Industri iaitu selama tiga bulan bermula dari 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005, pelatih telah ditempatkan di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Terengganu (JIMNT). JIMNT merupakan sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan dalam menguruskan hal-hal keimigresenan selaras dengan kepentingan negara. Fungsi utama jabatan ini adalah dalam urusan pengeluaran passport atau dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap, mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia, mengawal selia pergerakan keluar masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan, dan fungsi yang terakhir ialah dalam menguatkuasakan Akta / Peraturan Imigresen dan Akta Passport.

Sebagai sebuah jabatan yang berfungsi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, JIMNT juga mengalami beberapa masalah dalam sistem pengurusannya antaranya seperti masalah disiplin kakitangan, kekurangan kakitangan, ketiadaan kebolehan pegawai dan kakitangan bertutur dalam bahasa asing dan keadaan ruang pejabat yang sempit. Melaluinya beberapa cadangan telah diutarakan umpamanya mewujudkan unit kaunseling, mengambil kakitangan baru, menghantar pegawai dan kakitangan untuk mengikuti kursus bahasa asing dan meluaskan ruang pejabat.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini banyak memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelatih berkenaan sistem pengurusan dan pendedahan kepada alam kerja yang sebenar. Pengalaman-pengalaman yang diperolehi digunakan sebagai ilmu yang berguna. Gambaran sebenar situasi pekerjaan sememangnya berguna kepada pelajar. Jadi diharapkan latihan seumpama ini akan diteruskan bagi meningkatkan dan menambahkan ilmu mahasiswa dan mahasiswi.